

# MASKULIN

SILA PRAKTIK  
**7 IDEA**  
 KURANGKAN  
**KOS**  
 KAHWIN

## DILEMA BUJANG TERLAJAK

SENGKEK ATAU  
 TOLAK JODOH?

ADAKAH SPERMA  
 ANDA BERKUALITI?

KETAHUI FAKTOR  
 PENGARUHI  
 KESUBURAN & TIP  
 SARANAN PAKAR

12

FESYEN  
 & GAYA

HUJUNG TAHUN  
 PERLU CUBA



**MENANG!**

SET PENCUCI MUKA MEN'S BIORÉ DOUBLE SCRUB  
 & SET EKSKLUSIF JABRA BLUETOOTH HEADSET RM528



**"SAYA DAH MULA  
 RASA SUNYI..."**  
 AIDIL ZAFUAN

**PANAS!**  
**KAHWIN**  
**SONGSANG**  
**TERANG-**  
**TERANGAN**

**ORB**  
**CHALLENGES**

KEGILAAN BARU  
 MENYERONOKKAN



ISSN 1675-0497



9 771675 049052

maskulin.karangkraf.com

**K**

**Cuhax Hafiz** - Setiap bulan maskulin menghasilkan cover dan konsep majalah yg smart ! Bertaraf antarabangsa dan grafik yang dibuat pun makin lama makin terbaik. paling suka yang edisi oktober , sangat best dan mantap.

**Hisyam Embong** - Satu kelainan penghias cover ...ada gaya mutu dan keunggulan...hiasan muka depan akan mempengaruhi pembelian... bukan sekadar tampilan celebriti yang hangat tetapi cara adaptasi watak penghias kulit hadapan juga penting...syabas.

**Shahrol Shah** - Edisi Nov 2013 sangat padat & menarik saya baca 1 jam pun tak selesai baca sampai habis. Tahniah Maskulin untuk edisi Nov.

Ketahui perkembangan dan info terkini di samping bertemu dan berkongsi idea serta pandangan bernes di Facebook MASKULIN. Ikuti kami di Twitter dan Instagram dengan menaip @ MaskulinMag.





**INGIN MEMBERIKAN IDEA ATAU KOMEN? KONGSIKAN BERSAMA KAMI**

KK <Jarak> MAS <Jarak>  
A <Pendapat, nama penuh anda & asal>  
dan hantar ke 33333



## SEGMENT PEREKA FESYEN TEMPATAN

Assalamualaikum. Saya gemar membaca Maskulin terutama info mengenai dunia fesyen. Saya mencadangkan agar pihak Maskulin membuat sedikit kelainan untuk edisi yang akan datang. Seperti menyediakan ruang bagi menampilkan profil pereka-pereka terkenal tempatan berserta rekaan mereka. - **Mohd Iqbal Makhtar, Kuala Lemal, Pasir Mas, Kelantan**



## INSPIRASI HOT & FIT

Hai Maskulin. Tidak dinafikan yang saya mendapat inspirasi dari ruangan Hot & Fit yang menampilkan ruangan penjagaan badan bagi individu terpilih. Cara kecerdasan, gaya hidup dan amalan pemakanan mereka menjadi dorongan saya untuk mendapatkan badan yang mantap dan tegap.

Diharap pihak Maskulin menjadikan ruangan ini sebagai ruangan keselamanya di dalam Maskulin. Setidaknya kami yang gemar bermain dengan peralatan gym ini mempunyai sumber rujukan dalam bahasa Melayu berbanding majalah lain yang banyak memberikan info tentang dunia kecerdasan tetapi di dalam bahasa Inggeris.

## MAJALAH UNISEX

Sebagai wanita yang terdedah dengan pelbagai majalah mengenai dunia kami, sengaja saya memanjangkan pandangan ini ke meja editor. Bukan untuk mengecil-kecilkan Maskulin tetapi saya rasakan majalah ini harus dijadikan majalah panduan kerana di dalamnya pelbagai info menarik juga berguna buat kami kaum hawa.

Pertama kali melihatnya hati tidak tertarik tetapi setelah membelek dan membaca kuantiti Maskulin membuatkan saya jatuh hati. Lebih tepat majalah ini berbentuk unisex dan tidak hanya menyokong dunia kaum lelaki sahaja. Syabas Maskulin - **Nur Alia Khairy, Bukit Mertajam Pulau Pinang.**





**SEMANGAT KEMBARA JEEP® SPIRIT**

JEEP® SPIRIT memperkenalkan rangkaian pakaian selesa dan lasak khusus untuk pengembara tegar.

**A**akhir tahun adalah musim paling menarik untuk pergi mengembara. Untuk meraikan musim ini, **JEEP® SPIRIT** memperkenalkan koleksi pakaian terbaru direka khusus untuk pengembara dan pelancong yang menggemari cabaran.

Bertemakan 'Rugged Nomad', koleksi ini direka untuk pengembara urban yang bercita-cita tinggi dalam misi pengembaraannya.

**JEEP® SPIRIT** ingin menggalakkan pengembara atau pelancong untuk meneroka dunia dengan minda dan hati terbuka agar supaya boleh mempelajari serta menerima budaya luar selain menimba pengalaman baru.

Dalam koleksi ini, pelbagai rona dan tekstur digunakan untuk mewakili budaya yang berbeza serta gaya hidup dialami pengembara apabila menjelajah ke seluruh dunia. Rona terang diadun bersama dengan nada bumi sebagai mengekspresikan keunikan budaya yang berlainan di serata dunia. Pengembara juga boleh bergaya dengan lebih

stail sewaktu di dalam perjalanan. Ini menjadikan nada bumi terhasil daripada rona seperti biru, hijau, kelabu, kuning, coklat dan rona teras koleksi ini.

Koleksi **JEEP® SPIRIT** Men menawarkan rekaan fleksibel dan helaian versatil untuk jejaka yang menggemarkan cabaran. Seluar jeans dan kargo dinaiktarafkan dengan bahan berkualiti tinggi dan sesuai untuk aktiviti lasak. Rekaan baju Polo dan berkolar diperbaharui agar kelihatan dinamik menerusi adunan cetakan dan juga rona baru yang lebih segar. Helaian baju Chambray dan jaket motif cetakan tentera diperkenalkan dengan perincian dan fabrik ringan yang menawarkan keselesaan terutamanya sewaktu musim panas.

Koleksi terbaru **JEEP® SPIRIT** boleh didapati di semua Outfitters Studio dan gedung terkemuka di Malaysia. Pakaian berharga dari RM39.00 hingga RM399.00. Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai koleksi terbaru ini, layari [www.facebook.com/JeepApparelMY](http://www.facebook.com/JeepApparelMY).